



# Joy of Reading Aktiviti Susulan

*Tadika 1*



# Permainan 'Pick-up Chopsticks'

Cara Kreatif dan Seronok mengitar semula Kayu Penyepit

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Berbual bersama anak anda tentang cara-cara mengitar semula kayu penyepit makanan.

Contoh:

- Permainan 'Pick-up Chopsticks'
- Kayu Pemukul Gendang
- Bingkai Gambar
- Boneka Lidi dan Rumah Boneka
- Dulang Kayu dan Bekas Kayu

2. Cara membuat Permainan 'Pick-up Chopsticks'.

- Warnakan kayu penyepit yang dikitar semula dengan warna-warna yang anda mahu.
- Jika anda mahu kayu penyepit yang berbelang, lilit kayu penyepit dengan pita pelekat secara berselang-seli sebelum mewarnakannya.

3. Berseronok bermain Permainan 'Pick-up Chopsticks'!

- Angkat segenggam 'kayu penyepit' yang telah diwarnakan dan lepaskan di atas meja seperti timbunan rawak.
- Setiap peserta perlu mengalihkan satu 'kayu penyepit' dari timbunan tadi tanpa menggerakkan 'kayu penyepit' yang lain.
- Peserta yang berjaya akan terus mengalihkan 'kayu penyepit' yang ada dan hanya akan hilang giliran apabila salah satu 'kayu penyepit' bergerak.



*Nota untuk ibubapa:*

Satu lagi versi Permainan 'Pick-up Sticks'- setiap 'kayu penyepit' berwarna ada jumlah mata tertentu. Peserta yang mengumpul jumlah mata keseluruhan yang tertinggi akan memenangi permainan ini.

## Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Kayu penyepit makanan yang dikitar semula (pastikan kayu penyepit dicuci bersih sebelum digunakan semula)
2. Pena penanda yang pelbagai warna
3. Pita pelekat

## Objektif:

- Menyedari kepentingan mengitar semula sebagai salah satu cara menyelamatkan alam sekitar.
- Mengamalkan sikap bergilir-gilir dan menerima kemenangan/kekalahan didalam satu permainan yang seronok.

# Kraf Bahan Kitar Semula

Membuat rekaan watak rakan baharu dalam cerita  
'Ayuh! Selamatkan Bumi'  
(Buku Cerita Bahasa Ibunda)

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

## Bahan-bahan yang diperlukan:

1. Bahan-bahan kitar semula yang terdapat dirumah
2. Pita pelekat
3. Pena penanda yang pelbagai warna

1. Bersama anak anda, cari bahan-bahan yang boleh dikitar semula yang ada di dalam rumah.
2. Berbual bersama anak anda mengenai pelbagai cara mengitar semula bahan-bahan yang telah dikumpulkan.
3. Mengajak anak anda membuat rekaan watak rakan baharu untuk watak burung dan pokok yang ada di dalam buku cerita, menggunakan bahan-bahan kitar semula.
4. Menggalak anak anda untuk berkongsi hasil rekaannya dengan anda dan ahli keluarga.
5. Menjemput anak anda menamakan watak rakan baharu itu dan gunakan rekaan tersebut semasa membaca buku cerita 'Ayuh! Selamatkan Bumi' bersama anak anda.

## Objektif:

- Mengekspresikan idea serta perasaan melalui aktiviti kraf/ seni.
- Membentuk sikap positif terhadap amalan mengitar semula.



*Nota untuk ibubapa:*

Mengajak anak anda meneroka cara-cara kreatif menggunakan bahan-bahan kitar semula untuk dijadikan watak-watak lain di dalam buku cerita.